

06 SEP 1997

Umno-Zahid

PEMUDA UMNO MAHU KERAJAAN HARAMKAN HARAKAH

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Pemuda Umno mahu kerajaan mengharamkan penerbitan akhbar Harakah yang dikatakan telah mengadu domba Perdana Menteri dengan mufti dan ulama.

Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata kalau boleh pengharaman itu berkuatkuasa esok.

Saya berharap presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri mengumumkan pengharaman akhbar rasmi PAS itu semasa menggulung perbahasan perhimpunan agung Umno esok, katanya ketika ditemui pemberita pada perhimpunan agung Umno yang masuk hari kedua hari ini.

"Sudah sampai masanya tindakan segera diambil...tidak perlu lagi tunggu seminggu atau dua dan kami mahu Perdana Menteri mengumumkannya esok semasa ucapan penaangguhan," katanya.

Pada perhimpunan kali ini, semasa perbahasan usul terima kasih terhadap ucapan Presiden dan usul agama yang sedang berlangsung, beberapa orang perwakilan menggesa kerajaan mengharamkan akhbar itu yang didakwa mereka menjadi alat mengadu domba dan menabur fitnah.

"Pemuda berpendirian tegas meminta kerajaan terus menghentikan pengedaran Harakah kerana akhbar itu tidak pernah mendapat permit (untuk edaran kepada orang ramai) daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Ketika diberitahu bahawa orang Umno sendiri banyak yang membaca Harakah, Zahid berkata:"Bila ada bahan dalam edaran, orang beli sebab mereka nak tahu apa yang diceritakan PAS."

Saya tahu orang Umno mahu tahu berita PAS dan kita tak mahu orang ramai yang ada atas pagar mengambil tafsiran salah bahawa apa yang dikeluarkan oleh PAS itu adalah benar, katanya.

"Kalau mereka hendak edarkan juga akhbar itu kepada orang ramai mereka harus mengikuti undang-undang dengan memohon permit. Terpulang kepada KDN untuk meluluskannya atau tidak," katanya.

Sementara itu, anggota Dewan Undangan Negeri Selangor Datuk Fuad Hassan tidak bersetuju dengan cadangan supaya kerajaan mengharamkan Harakah.

Ini bagi mengelakkan kerajaan termasuk dalam perangkap PAS, katanya.

"PAS memang mahu kerajaan mengharamkan media rasminya itu supaya parti pembangkang itu dapat "menunjukkan" kepada dunia bahawa tidak ada demokrasi di negara ini.

"Kita dalam Umno tidak harus takut dengan cara PAS menggunakan Harakah untuk memburuk-burukan Umno dan pemimpin-pemimpin Umno, kita mempunyai banyak ulamak yang dapat menjawab semua tuduhan yang dilemparkan PAS," katanya semasa membahaskan usul agama pada perhimpunan itu. -- BERNAMA

SJA RON